

BAB 3 – PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROJEK

3.1 Pengenalan

- 3.1.1 Pengetahuan mengenai organisasi JKR mengikut fungsi (rujuk Bab 2) akan bermanfaat bagi pemahaman pelbagai prosedur tender dan kontrak yang terkandung dalam buku panduan ini, begitu juga pengetahuan mengenai proses-proses yang terlibat dalam pelaksanaan projek pembinaan. Gambaran menyeluruh tentang proses-proses yang terlibat adalah perlu, khususnya proses-proses yang berkaitan dengan penyerahan dan pentadbiran kontrak untuk pembinaannya.
- 3.1.2 Proses-proses utama yang terlibat di dalam pelaksanaan projek pembinaan iaitu dari peringkat kelulusan pelan pembangunan, dan perolehan peruntukan yang perlu dari Kerajaan sehingga penyiapan dan penyelesaian bayaran bagi pembinaannya adalah seperti berikut:
- (a) Penyediaan ringkasan projek
 - (b) Pengambilan tanah
 - (c) Pengukuran tapak bina, dan penyelidikan tapak bina dan tanah
 - (d) Penyediaan reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina
 - (e) Reka bentuk perincian arkitek dan/atau kejuruteraan
 - (f) Penyediaan anggaran awal dan kawalan kos
 - (g) Penyediaan dokumen tender
 - (h) Pelawaan dan penerimaan tender
 - (i) Penilaian dan setujuterima tender
 - (j) Penyediaan dan menandatangani Dokumen Kontrak
 - (k) Penyeliaan dan pengesanan kemajuan kerja
 - (l) Lanjutan masa penyiapan
 - (m) Pengenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan
 - (n) Penamatan pengambilan kerja kontraktor
 - (o) Penyiapan dan penyerahan kerja
 - (p) Pelantikan subkontraktor dan pembekal
 - (q) Pengurusan bayaran
 - (r) Penyediaan penilaian kerja perubahan dan Akaun Muktamad